

UMNO bagaikan hilang arah

BH-23/11/2019 ml: 2

Bangi: Pemimpin UMNO yang mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, di kediamannya di Putrajaya, Isnin lalu sudah hilang arah, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kehadiran mereka itu dimaklumkan Mohamed Azmin kepadanya ketika beliau bertanyakan mengenai pertemuan itu kelmarin.

"Saya tanya Azmin apa dia bincang? Dia (Azmin) kata orang UMNO, mereka dah hilang arah parti dan tidak tahu apa nak buat. Jadi mereka tanya, sama ada nak masuk parti lain atau tidak.

"Ada juga yang buat kenyataan mereka sokong kepimpinan Dr Mahathir," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Alumni Malaysia Future

Leaders School (MFLS) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Pertemuan Mohamed Azmin dengan sekumpulan wakil rakyat UMNO dan PKR itu menimbulkan pelbagai spekulasi dan tidak disenangi kalangan pemimpin PKR.

Ditanya apakah wajar Mohamed Azmin mengadakan pertemuan dengan wakil rakyat UMNO itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata, itu adalah hak beliau sebagai Timbalan Presiden PKR.

"Beliau (Azmin) memainkan haknya sebagai Timbalan Presiden (PKR), dia berhak untuk bertemu dengan sesiapa sahaja.

"Kalau parti dia tidak setuju, beritahulah dia, Mohamed Azmin

bukan dari parti saya," katanya.

Ditanya selaku Pengerusi Pakatan Harapan (PH), adakah beliau akan menasihati PKR agar tidak menggembar-gemburkan masalah dalaman parti mereka, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan mencampuri urusan parti lain walaupun mereka bernaung di bawah PH.

Ditanya apakah Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, membangkitkan soal pemberian projek membabitkan seorang Menteri Kabinet semasa pertemuan mereka kelmarin, Dr Mahathir berkata:

"Datuk Seri Anwar bagi tahu saya ada Menteri Kabinet bagi projek. Menteri Kabinet berhak bagi dalam kawasan dia, tapi janganlah pergi (bagi) kawasan-kawasan lain."